

Dr. Mahathir bimbang gaji swasta tinggi

Oleh
ROZAID ABDUL RAHMAN

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Dr. M bimbang gaji swasta tinggi

PULAU PINANG 20 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyuarakan kebimbangan terhadap kenaikan gaji terlalu tinggi yang tiada kaitan dengan produktiviti dalam sektor swasta akan menjejaskan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, kenaikan gaji dalam sektor swasta adalah terlalu tinggi sejak kebelakangan ini dan ia amatlah membimbangkan.

"Ya, saya memang kluatir kenaikan gaji yang mendadak yang tiada kaitan dengan produktiviti boleh menyebabkan kadar inflasi lebih tinggi dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

"Saya juga akui memang kenaikan gaji (di kalangan sektor swasta) terlalu tinggi," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Mingguan Kabinet di Hotel Equatorial, Bukit Jambul, di sini tengah hari ini.

Turut hadir dalam sidang akhbar itu ialah Ketua Menteri, Dr. Koh Tsu Koon.

■Lihat muka 2

Dr. Mahathir berkata, ~~tempat~~ sama ada dengan demikian apabila ditanya apakah perlu ada reformasi dalam sistem gaji swasta. Beliau juga ditanya mengenai tuntutan kenaikan gaji oleh CUEPACS sebanyak 20 hingga 53 peratus untuk mengawal inflasi.

Perdana Menteri menegaskan, secara umum jika gaji dinaikkan untuk meningkatkan produktiviti ia tidak mempunyai kesan kepada inflasi.

Bagaimanapun, katanya, jika hanya sekadar menaikkan gaji kerana sektor swasta mengalami kenaikan gaji yang tinggi, ia sudah tentu akan meninggalkan kesan kepada inflasi.

"Kita akan kaji tuntutan mereka (CUEPACS), apakah kesannya kepada inflasi dan juga apakah tuntutan tersebut boleh dibincangkan," ujarnya.

Diminta mengulas mengenai kenaikan gaji dalam sektor swasta, Dr. Mahathir berkata, oleh kerana Malaysia kekurangan pekerja, sektor swasta terpaksa menawarkan gaji yang lumayan kepada pekerja

an tujuan untuk menarik perhatian atau untuk menghalang pekerjaanya daripada lari ke syarikat lain.

Bagaimanapun, katanya, jika keadaan seperti ini berterusan, akhirnya kos tenaga kerja akan meningkat sehinggakan industri itu sendiri menjadi tidak lagi ekonomik dan menarik perhatian pelabur untuk terus melabur di negara ini.

Akibatnya, kata beliau, ekonomi negara tidak berkembang dan mereka yang menyebabkan kenaikan gaji akan dapati peluang-peluang kerja akan hilang.

"Inilah yang menyebabkan kita kluatir iaitu kenaikan gaji yang tidak ada kaitan dengan pertambahan produktiviti kerana jelas ia akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

"Sistem gaji dalam sektor swasta mestilah dikaitkan dengan pertambahan produktiviti...itu adalah asasnya yang perlu diberi perhatian," ujarnya.

Ditanya apakah pende-

katan kerajaan dalam menangani soal ini, Dr. Mahathir menjawab, apa yang boleh dilakukan ialah memperbanyakkan jenis industri yang tidak banyak menggunakan tenaga kerja manusia.

"Contohnya kita memerlukan teknologi intensif dalam bidang industri dengan harapan sementara nilai yang ditambah meningkat, jumlah pekerja tidak bertambah...dengan itu gaji bolehlah bertambah," jelas beliau.

Berhubung dengan jumlah pekerja asing di Malaysia, Dr. Mahathir berkata, kini terdapat satu juta rakyat asing yang datang untuk mencari pekerjaan di negara ini tetapi oleh kerana mereka tidak mempunyai kemahiran, mereka tidak boleh mengisi jawatan-jawatan kosong di kilang.

Sebab itulah, kata Perdana Menteri, pekerja tempatan telah ditawarkan gaji yang lumayan untuk mengisi 15,000 jawatan kerja kosong dalam sektor pembuatan di Pulau Pinang sahaja.